

Bina keyakinan diri

UB 7.9.2018 B1

MELAHIRKAN pelajar yang lengkap dengan jati diri, disiplin tinggi serta memiliki sifat kepimpinan adalah hasrat bagi setiap institusi pendidikan di negara ini.

Selaras dengan perkembangan dunia global yang semakin rumit, pelajar sentiasa dituntut dari pelbagai sudut agar melengkapkan diri sebaiknya dalam mengharungi pelbagai arus pemodenan baik dari segi pendidikan, sosial mahu pun sahsiah itu sendiri.

Dalam usaha membantu para ibu bapa, guru-guru masa kini sentiasa merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti yang sesuai dengan tahap perkembangan pelajar demi melahirkan modal insan yang berkualiti kepada masyarakat, agama dan negara.

Atas objektif itu dan berpegang pada prinsip 'rela dipimpin untuk memimpin' maka, Unit Lembaga Disiplin SMK Kemabong Tenom telah mengadakan lawatan sambil belajar untuk barisan pengawas sekolah berkenaan.

Program lawatan itu dirangka sebagai landasan terbaik untuk memberi pengalaman baharu secara langsung, khususnya pelajar yang tinggal di luar bandar.

Selain itu, program juga menjadi medium perkongsian ilmu dan pengalaman antara guru-guru sekali gus membuka minda pelajar sebagai inspirasi mereka meneroka masa depan dengan lebih baik.

Antara lokasi program lawatan adalah Perpustakaan Negeri Sabah, Petrosains, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Pusat Kokurikulum Negeri Sabah dan Pusat Hidupan Liar Lok Kawi.

Sepanjang lawatan itu, para pelajar juga diberi kesempatan berkunjung ke beberapa pusat beli-belah terkenal di Kota Kinabalu.

Perjalanan rombongan bermula pada 19 Ogos

menuju ke Kota Kinabalu. Sebelum perjalanan bermula, satu sesi taklimat disiplin dan keselamatan telah disampaikan oleh ketua rombongan Tony Madan.

Pada hari pertama program, pelajar telah dibawa melawat ke Perpustakaan Negeri Sabah, Petrosains, UMS dan seterusnya mendaftar masuk ke Pusat Kokurikulum Negeri Sabah di Kem Malangang, Kiulu, Tuaran.

Seramai 60 peserta dan diiringi 13 guru telah bermalam di Kem Malangang untuk aktiviti Bina Semangat yang dikendalikan oleh jurulatih Pusat Kokurikulum Sabah di bawah pimpinan Ketua Unit Pusat Kokurikulum Sabah Ambrews Andau.

Di situ, antara aktiviti yang telah dijalankan ialah Team Building, Motivasi Kepimpinan, Ketatanegaraan, Permainan Kooperatif, Flying Fox dan Wall Climbing. Aktiviti yang dijalankan itu bertujuan melatih peserta meningkatkan lagi keyakinan diri dalam cabaran yang dilalui.

Meskipun program di Kem Malangang agak singkat namun, aktiviti yang dilaksanakan telah mencapai objektif yang diharapkan khususnya dalam membina keyakinan diri, semangat kepimpinan serta jati diri peserta.

Penutupan ringkas Kem Kepimpinan telah dirasmikan oleh Ambrews. Turut sama dalam majlis ialah Oktavianus Ansikit merangkap ketua guru disiplin sekolah bersama jurulatih yang banyak membantu menjayakan program itu.

Dalam pada itu, Ambrews mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada guru-guru serta pelajar SMK Kemabong kerana memilih untuk melaksanakan aktiviti di Kem Malangang.

PESERTA program melakukan aktiviti Flying Fox.

Program lawatan sambil belajar pengawas SMK Kemabong



"Kita berharap agar semua aktiviti yang sempat dilaksanakan membawa satu impak positif kepada peserta meskipun dijalankan pada masa yang singkat," katanya.

Dalam masa yang sama, beliau turut menjemput sekali gus mengalu-alukan kehadiran peserta maiah terbuka untuk kursus guru-guru pada masa akan datang.

Dalam majlis sama, Oktavianus turut menyampaikan cenderahati atas kesudian dan bantuan barisan jurulatih Pusat Kokurikulum melaksanakan aktiviti dengan cemerlang.

Lawatan diteruskan pada hari seterusnya dengan melawat ke beberapa

pusat beli-belah terkenal di sekitar Bandaraya Kota Kinabalu.

Pada hari terakhir lawatan, peserta dibawa melawat ke Pusat Hidupan Liar Lok Kawi. Lawatan ke lokasi itu dapat membantu peserta mengembangkan pengetahuan sedia ada mengenai kepentingan memelihara kelestarian alam semulajadi yang penuh dengan kepelbagaian flora dan fauna.

Kunjungan bermakna itu sempat dirakamkan bersama kakitangan pusat berkenaan sebelum rombongan berangkat pulang ke sekolah kira-kira jam 3 petang.

Seorang peserta, Adam Mukhris dari Tingkatan 3 Intelek berkata lawatan

itu telah membuka minda mereka khususnya dalam konteks kepimpinan, keyakinan diri, berdikari, semangat setiakawan dan peningkatan disiplin sendiri.

"Selain itu, program ini juga dapat meningkatkan kesedaran kami sebagai pelajar akan kepentingan sikap bertanggungjawab kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara.

"Kami berharap agar program seumpama ini akan diteruskan pada masa akan datang. Kami juga amat berpuas hati kerana berjaya mengatasi rasa ketakutan khususnya semasa melaksanakan aktiviti Flying Fox dan Wall Climbing buat pertama kalinya," katanya.

Salah seorang guru pengiring, Lanjuina Andawai berpendapat lawatan kali ini dilaksanakan dengan sedikit kelainan berbanding tahun-tahun sebelumnya kerana menyelitkan aktiviti kem kepimpinan di PKK



AKTIVITI Petrosains Sabah.



AKTIVITI Wall Climbing.



SELAMAT DAN ANTARA guru pengiring yang turut menjayakan lawatan itu.

Sabah.

Katanya ia dilihat membawa impak yang besar kepada peserta khususnya dalam membentuk motivasi, keberanian dan kepimpinan yang lebih bermakna.

Beliau turut mengucapkan penghargaan kepada barisan guru-guru yang

sentiasa komited dalam menjaga serta mengawasi peserta sepanjang lawatan itu.

KUNJUNGAN ke Wildlife Centre Lok Kawi.



AMBREWS (tengah) merakamkan album bersama para peserta.

